



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



## **TEKS UCAPAN TETAMU KEHORMAT**

### **MAJLIS KONVOKESYEN POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH KE - 23**

**DEWAN AL-JAZARI**

**Ts. ZAINAB BINTI AHMAD  
KETUA PENGARAH  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI  
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**



Terima kasih Pengacara Majlis.

**Yang Berusaha Dr. Hj. Mohd Zahari bin Ismail**

Pengarah Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

**Yang Berusaha Technologist Roseman bin Mat Jidin**

Timbalan Pengarah Akademik

Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

**Yang Berusaha Technologist Dr. Hj. Ahmad Aftas bin Azman**

Timbalan Pengarah Sokongan Akademik

Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

Pengarah-pengarah Politeknik dan Kolej Komuniti

Pengarah-pengarah Bahagian

Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

Ahli-ahli Mesyuarat Pengurusan, para pensyarah dan kakitangan Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

Wakil-wakil industri

Rakan-rakan media

Yang diraikan ibu bapa dan barisan graduan

Serta hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.

**Tuan-tuan, Puan-puan serta hadirin yang dihormati  
sekalian,**

1. Pertama sekali, saya berbesar hati ingin melafazkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah kerana dengan limpah kurnia serta izin-Nya kita dapat berkumpul dalam majlis penuh bersejarah pada hari ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Majlis Konvokesyen Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah kerana menjemput saya untuk bersama meraikan para graduan dalam Majlis Konvokesyen ke-23 pada hari ini.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

2. Pada Majlis Konvokesyen kali ini yang dilangsungkan selama 2 hari berturut-turut, saya dimaklumkan seramai **1,684 orang graduan menerima ijazah, diploma serta sijil masing-masing.**
3. Sekalung tahniah dan syabas diucapkan kepada para graduan atas kejayaan ini, berkat daripada usaha, kegigihan, dan ketabahan dalam mengharungi pengajian terutamanya semasa pandemik Covid-19. Saya yakin majlis konvokesyen ini sangat bermakna buat diri anda semua kerana berjaya menamatkan pengajian masing-masing meskipun berhadapan dengan

pelbagai cabaran dan rintangan. Alhamdulillah, segala usaha dan pengorbanan anda semua telah menghasilkan kejayaan.

4. Tahniah juga saya ucapkan kepada semua ibu bapa dan keluarga yang turut bersama menyaksikan majlis pada pagi ini. Terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan yang sentiasa memberi dorongan dan sokongan kepada anak-anak sehingga mereka berjaya menamatkan pengajian.
5. Begitu juga sekalung penghargaan saya ucapkan kepada kepada para pensyarah Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) atas kegigihan dan keikhlasan tuan-puan mencurahkan ilmu dan bimbingan tanpa jemu kepada para pelajar demi memastikan mereka bergraduasi dengan jaya.
6. Terima kasih juga kepada seluruh warga kerja dan jawatankuasa konvokesyen atas persediaan yang kemas dan rapi dalam menjayakan majlis konvokesyen pada kali ini.

### **Tuan-Tuan dan Puan-Puan,**

7. Mendepani cabaran dunia semasa serta menjadi antara insan yang berdaya saing seiring kehendak situasi ekonomi negara, memerlukan satu semangat dan anjakan fasa diri. Memilih politeknik sebagai landasan pengajian anda adalah satu langkah bijak. Tahniah kepada politeknik yang mengorak awal mengatur langkah dalam mempelopori pelbagai bidang yang berimpak tinggi selari dengan keperluan industri bagi menyemarakkan transformasi negara.

8. Saya yakin, politeknik berupaya sebagai pusat pendidikan, latihan teknikal dan vokasional (TVET) yang terus kekal relevan dalam memainkan peranan penting bagi melahirkan tenaga kerja ke arah negara maju berpendapatan dan berteknologi tinggi. Komitmen serta kolaborasi dari pihak-pihak tertentu juga dapat membantu hasrat Kementerian Pengajian Tinggi untuk menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan global terutamanya dalam pengajian berteraskan TVET. Keunikan politeknik terserlah dengan kombinasi tenaganya termasuklah pengajar dan pelajarnya dalam menggiatkan usaha, idea dan tenaga, bersama komuniti dan industri bagi menjayakan pelbagai program yang dirancang demi merencanakan pembangunan komuniti setempat, negara, mahupun serata global.
9. Anda semua perlu menyematkan rasa penuh kesyukuran atas peluang yang telah diberi dan pencapaian yang telah diraih ini di samping beriltizam untuk terus berusaha membangunkan dan menggilap potensi diri yang ada agar lebih cemerlang pada masa hadapan. Kita sedar bahawa Malaysia sedang menuju ke arah negara berpendapatan tinggi seiring dengan cabaran teknologi digital. Persepsi bahawa TVET sebagai pilihan kedua, boleh diumpamakan satu pandangan lapuk. Sebaiknya kita perlu membuka minda dan melihatnya sebagai antara laluan utama kerjaya masa kini seiring permintaan negara dan dunia semasa.

Suka saya warwarkan semula, sebagaimana yang telah diumumkan oleh **Perdana Menteri kita, Dato' Seri Ismail Sabri Yaakob semasa merasmikan Minggu TVET Negara di sini, iaitu tanggal 2 JUN diisytihar sebagai HARI TVET NEGARA. Ia juga bersempena penubuhan Politeknik Ungku Omar, Ipoh Perak pada tarikh yang sama pada tahun 1969.**

10. Para graduan sekalian, kemahiran yang anda miliki merupakan aset yang amat berharga, umpama permata yang membawa kilauan cahaya. Sinarnya tidak akan hilang walau di mana ia berada. Penawaran kerjaya serta kehendak semasa industri kini amat memberansangkan. Pengiktirafan kepada Politeknik dan Kolej Komuniti melalui program-program yang mendapat akreditasi MQA memastikan kualiti TVET kita setara saingi institusi TVET terkemuka dunia – ibarat pepatah yang berbunyi, **“berdiri sama tinggi, duduk sama rendah”**.
  
11. Saya juga percaya, kaedah pengajaran dan pembelajaran kini tidak seperti dahulu lagi. Para pensyarah dan para pelajar sama seiring di dalam dunia maya, pembelajaran interaktif serta mahir mengaplikasikan teknologi terkini. Landskap dunia pekerjaan juga berubah, keperluan revolusi industri 4.0 (IR4.0) di seluruh dunia kini menyasarkan pekerjaan berasaskan kecerdasan buatan. Oleh yang demikian, pelbagai tawaran, sokongan serta inisiatif yang dijangka akan memperkukuhkan simbiosis

ekosistem TVET dalam merapatkan jurang antara permintaan dan penawaran tenaga kerja.

**Tuan-tuan dan puan-puan sidang hadirin sekalian,**

12. Saya yakin strategi memperkasa institusi melalui pemantapan jaringan kolaborasi strategik bersama rakan industri dan akademia memastikan bakal graduan politeknik lebih bersedia ke alam pekerjaan.
  
13. Saya turut berbangga dengan kolaborasi yang dijalankan oleh PSA bersama rakan strategik industri tersohor dalam pelbagai bidang. Izinkan saya menzahirkan ucapan ribuan terima kasih kepada beberapa syarikat antaranya:
  - (i) Mega Jati Academy Sdn Bhd
  - (ii) Innovacia Sdn Bhd
  - (iii) Sazmed CAE Trading
  - (iv) Radibems Sdn Bhd
  - (v) Advance Pact Sdn Bhd
  - (vi) Telekom Malaysia
  - (vii) Panasonic Appliances Air-Conditioning (M) Sdn Bhd
  - (viii) Bateriku (M) Sdn. Bhd.
  - (ix) Lembaga Industri Perkayuan Malaysia (MTIB)
  - (x) UA Sham Resources
  - (xi) AKLA Services Sdn Bhd.
  - (xii) BLIESE (M) Sdn. Bhd.

- (xiii) Next Level Technologies Sdn. Bhd.
- (xiv) Everfine FMS Sdn. Bhd
- (xv) Media Prima Berhad
- (xvi) Persatuan Pengarah Filem Malaysia (FDAM)
- (xvii) Apple Education Training Center
- (xviii) Universiti Teknologi Malaysia
- (xix) Universiti Sains Malaysia, dan banyak lagi.

14. Setinggi penghargaan ke atas sumbangan aset dan peralatan, penempatan pelajar untuk latihan industri, di samping terlibat secara langsung sebagai panel penasihat industri. Terima kasih kerana bersama kami dalam membangunkan kompetensi pelajar politeknik yang juga aset negara dan peneraju industri masa hadapan.

**Tuan-tuan dan puan-puan,**

15. Kita semua juga sedia maklum bahawa kayu pengukur utama graduan TVET berkualiti dilihat melalui kadar kebolehpasaran graduan. Alhamdulillah saya dimaklumkan bahawa kadar kebolehpasaran graduan PSA bagi tahun 2021 adalah **94.7 peratus**. Kadar kebolehpasaran graduan politeknik yang melebihi 90 peratus ialah satu indikator bahawa graduan politeknik sentiasa menjadi pilihan majikan meskipun ketika negara dilanda pandemik COVID-19. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua para graduan dan para pensyarah PSA!



## **Tuan-tuan dan Puan-Puan serta Para Graduan sekalian,**

16. Politeknik mempunyai peranan penting dalam pembangunan modal insan negara. Untuk tempoh Rancangan Malaysia ke-12 (2021 – 2025), tumpuan diberikan dalam usaha mengukuhkan teknologi pendigitalan demi penyediaan pasaran kerja masa hadapan di samping memperkasa ekosistem keusahawanan berteraskan teknologi digital.
17. Saya berdoa agar semua graduan terus berjaya dalam bidang yang diceburi. Saya berharap agar para graduan dapat menggunakan segala ilmu, kemahiran dan pengalaman yang diperolehi sepanjang berada di PSA untuk membangunkan diri, keluarga, masyarakat dan negara. Berbaktilah kepada ibu bapa dan keluarga yang telah banyak berkorban untuk memastikan anda sekalian berjaya dalam pengajian dan seterusnya berjaya dalam kehidupan. Kehidupan berdikari dan menyumbang kembali kepada keluarga dan masyarakat memerlukan kematangan fikiran dan kekentalan jiwa dalam melalui pelbagai cabaran ibarat pepatah "membujur lalu , melintang patah". Saya yakin para graduan akan berupaya menampilkan ilmu, kemahiran dan sikap yang positif semasa ditempat kerja, beretika dan profesional dalam pengendalian tugas.
18. Sebelum saya akhiri ucapan saya, tahniah dan syabas sekali lagi kepada semua graduan bertuah pada hari ini, juga kepada semua ibu bapa dan keluarga graduan. Terima kasih kepada tetamu dari rakan agensi dan industri yang sudi bersama.

Terima kasih kepada Pengarah Dr. Haji Mohd Zahari Ismail dan warga kerja PSA atas usaha berterusan mendidik anak bangsa. Tahniah dan syabas! Semoga kejayaan pada hari ini akan disusuli dengan banyak lagi kejayaan dan kecemerlangan pada masa hadapan.

Sekian, Wabillahi taufik wal hidayah, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.